



30 APR, 2020

## Agrobazaar Online FAMA catat jualan RM1.18 juta

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

### Agrobazaar Online FAMA catat jualan RM1.18 juta

**KUALA LUMPUR** - Bazar dalam talian kendalian Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) iaitu Agrobazaar Online akan menjadi normal baharu masyarakat pada masa akan datang.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), platform jualan hasil tani dalam talian itu berjaya mencatatkan jualan terkumpul sebanyak RM1.18 juta setakat kelmarin.

“Jumlah itu melibatkan pembelian produk segar seperti sayur-sayuran dan buah-buahan (RM693,000) dan produk asas tani (RM491,000).

“Sebanyak 29,663 penghantaran telah dilakukan oleh pihak Agrobazaar Online sepanjang tempoh tersebut.

“Berdasarkan jumlah ini, kita percaya ia akan menjadi budaya hidup masyarakat selepas ini,” katanya kepada *Bernama* selepas lawatan kerja ke Ibu Pejabat FAMA di Bandar Baru Selayang di sini semalam.



Orang awam mengamalkan langkah berjaga-jaga untuk mencegah penularan Covid-19 ketika membeli barang keperluan di Agrobazaar FAMA dekat Ibu Pejabat FAMA Bandar Baru Selayang semalam.



30 APR, 2020

## Agrobazaar Online FAMA catat jualan RM1.18 juta

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUALA LUMPUR - Bazar dalam talian kendalian Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) iaitu Agrobazaar Online akan menjadi normal baharu masyarakat pada masa akan datang. Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), platform jualan hasil tani dalam talian itu berjaya mencatatkan jualan terkumpul sebanyak RM1.18 juta setakat kelmarin.

“Jumlah itu melibatkan pembelian produk segar seperti sayur-sayuran dan buah-buahan (RM693,000) dan produk asas tani (RM491,000).